

# PTD Petaling *ikrar bebas rasuah*

Jadi agensi kerajaan pertama di Selangor tandatangani IBR bersama SPRM

NOR AZIHAN MD GHAZALI

SHAH ALAM - Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) Petaling mencatat sejarah sebagai agensi kerajaan pertama di Selangor yang menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR) bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Pegawai Daerah Petaling, Datuk Mohd Misri Idris mengetuai bacaan ikrar dan menandatangani IBR di hadapan Pengarah SPRM Selangor, Datuk Wan Ramli Wan Abdullah di Dewan PTD Petaling, di sini, semalam.

Wan Ramli berkata, bacaan ikrar itu turut dilakukan 250 anggota PTD Petaling bersempena dengan perhimpunan bulanan bagi menyatakan sokongan berterusan agensi terbabit dalam memerangi rasuah ber-

sama SPRM.

"Penyertaan warga PTD Petaling dalam majlis ini adalah satu manifestasi yang jelas dan lantang terhadap komitmen padu untuk terus berusaha bagi menjadikan negara kita bersih serta bebas daripada kegiatan rasuah.

"Penglibatan agensi ini dalam menandatangani IBR secara tidak langsung menjadi pembakar semangat kepada seluruh warga kerja SPRM untuk terus berjuang dalam melaksanakan tugas memerangi jenayah rasuah serta salah guna kuasa secara habis-habisan," katanya ketika berucap pada majlis itu.

Dalam pada itu, beliau berkata, IBR merupakan satu inisiatif baharu yang diperkenalkan SPRM lanjutan daripada Ikrar Integriti Korporat (CIP) untuk memastikan setiap individu yang me-

nandatangani ikrar tersebut akan lebih bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas serta menjauhkan diri daripada rasuah.

"IBR yang ditandatangani ini juga unik dan berbeza berbanding CIP kerana ia memberi penekanan kepada ikrar serta janji yang dibuat kepimpinan PTD Petaling dan warganya dalam kapasiti sebagai individu untuk menjunjung tanggungjawab bagi menghindari daripada sebarang godaan rasuah serta salah guna kuasa sepanjang melaksanakan tugas.

"Langkah kepimpinan PTD Petaling dan warganya yang bertindak menandatangani IBR jelas memperlihatkan keikhlasan, komitmen kerja dan keinginan agensi itu untuk terus berkhidmat dalam suasana kerja yang kondusif dan be-



Foto: BERNAMA

Mohd Misri (kiri) menyerahkan Ikrar Bebas Rasuah kepada Wan Ramli selepas melafaz serta menandatangani ikrar tersebut, semalam.

bas rasuah demi kepentingan rakyat," katanya.

Menurutnya, keterbukaan dan sifat bertanggungjawab yang dipamerkan kepimpinan PTD

Petaling dan warganya turut membuktikan usaha mereka membanteras rasuah bukan tanggungjawab eksklusif SPRM semata-mata.

Beliau turut memaklum-

kan pada Februari nanti, Majlis Perbandaran Selayang (MPS) pula akan menjadi agensi kerajaan kedua di negeri ini yang akan menandatangani IBR.